

01 AUG 1997

Islam-Pas

PAS SETUJU PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG ISLAM

ALOR SETAR, 1 Ogos (Bernama) -- Pas hari ini mencadangkan Kerajaan Pusat mengemukakan rancangan tindakan mengenai cadangan untuk menyeragamkan pelaksanaan undang-undang Islam di semua negeri agar rakyat boleh memberikan pandangan mereka.

Presidennya Haji Fadzil Noor hari ini berkata rancangan tindakan itu hendaklah disediakan bukan sahaja untuk Majlis Raja-Raja tetapi juga untuk semua pihak mengkajinya.

Pas pada dasarnya bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pusat mengenai penyeragaman undang-undang itu, katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata langkah itu penting agar terdapat persamaan di dalam pelaksanaan peraturan dan undang-undang Islam di seluruh negara.

Bagaimanapun Pas ingin meneliti terlebih dahulu aspek syariat Islam yang hendak dijadikan undang-undang itu dan bentuk penyeragamannya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa cadangan Kerajaan Pusat mengenai perkara itu telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-176 di Kuala Lumpur semalam.

Ekoran itu sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji secara menyeluruh undang-undang Islam berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaannya.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kerajaan negeri menyambut baik keputusan Majlis Raja-raja itu.

Beliau berkata penyeragaman itu sepatutnya telah dibuat sejak dahulu lagi kerana sebelum ini kerap berlaku percanggahan dalam tindakan di antara negeri-negeri sedangkan Islam telah menetapkan hukumnya.

"Bagaimanapun saya harap (kerajaan pusat) pandai-pandailah melaksanakan peraturan itu supaya tidak menimbulkan masalah pada masa depan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah minggunya di Pejabat Perhubungan Pas Kelantan hari ini.

Apabila ditanya sama ada kenyataannya itu bermakna beliau mempunyai pandangan yang sama dengan pandangan Dr Mahathir dalam perkara itu, Nik Aziz yang juga Mursyid Am Pas berkata: "Memang, kerana benda yang benar kita kena sokong". -- BERNAMA

MNR NMO